



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 6/2024**

**Prospek Pertumbuhan Positif: Perkhidmatan dan Pembuatan Memacu Momentum
Ekonomi Malaysia**

PUTRAJAYA, 28 Jun 2024 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 6/2024**. Edisi ini memfokuskan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada April 2024 dan beberapa statistik yang akan datang bagi bulan Mei 2024. Selain itu, edisi ini turut memaparkan artikel tambahan yang bertajuk "Adakah Harga Beras Import Malaysia Mempengaruhi Harga Beras di Pasaran?", yang mengenalpasti kesan harga import ke atas harga beras di Malaysia dan mengkaji korelasi antara harga pasaran, harga di kilang, harga beras dunia, dan pengeluaran beras domestik.

Menilai keadaan ekonomi global semasa, laporan Prospek Ekonomi Global Bank Dunia meramalkan pertumbuhan ekonomi global akan stabil pada 2.6 peratus pada 2024. Pertumbuhan juga diunjurkan meningkat kepada purata 2.7 peratus pada 2025 dan 2026.

Merujuk kepada prestasi ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada April 2024 mencatatkan peningkatan 6.1 peratus tahun ke tahun (2.4% pada Mac 2024). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan 4.9 peratus dalam sektor Pembuatan (meningkat daripada 1.3% pada Mac 2024) dan kenaikan 10.0 peratus dalam sektor Perlombongan (meningkat daripada 4.9 peratus pada Mac 2024). Sektor Elektrik mengekalkan pertumbuhan yang stabil pada 7.6 peratus iaitu menyederhana daripada 8.5 peratus pada Mac 2024. Jualan sektor Pembuatan mencapai RM153.2 bilion pada April 2024, menunjukkan peningkatan 5.7 peratus tahun ke tahun berbanding pertumbuhan 1.4 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan ketara dalam subsektor Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain yang meningkat 16.9 peratus, dan subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka yang meningkat 12.8 peratus."

Menganalisis sektor perkhidmatan Malaysia, sektor Perdagangan Borong dan Runcit menunjukkan pertumbuhan positif pada April 2024, berkembang 6.6 peratus tahun ke tahun untuk mencapai jualan bulanan berjumlah RM144.9 bilion. Subsektor Perdagangan Runcit yang merupakan pendorong utama, meningkat 5.5 peratus atau RM3.3 bilion, mencapai jualan RM63.8 bilion. Selain itu, Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor masing-masing meningkat sebanyak 4.8 peratus (+RM2.9 bilion) dan 18.1 peratus (+RM2.6 bilion).

Meneliti sudut harga, kadar inflasi Malaysia mencatatkan 1.8 peratus, mengekalkan tahap ini selama tiga bulan berturut-turut dengan indeks mencapai 132.4 berbanding 130.0 pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh kenaikan dalam Kumpulan utama: Restoran dan Perkhidmatan Penginapan meningkat sebanyak 3.5 peratus (3.0% pada Mac 2024), Penjagaan Peribadi, Perlindungan Sosial dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan yang meningkat 3.1 peratus (2.6% pada Mac 2024), manakala Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, kekal tidak berubah pada 3.0 peratus (3.0% pada Mac 2024). Kadar inflasi sedikit meningkat kepada 2.0 peratus pada Mei 2024, dengan indeks mencecah 132.8 berbanding 130.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) meningkat 1.9 peratus tahun ke tahun pada April 2024, menaik daripada 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Semua sektor menunjukkan peningkatan: sektor Perlombongan melonjak 10.0 peratus (8.3% pada Mac 2024), sektor Pembuatan mencatatkan kenaikan sederhana 0.8 peratus (0.6% pada Mac 2024), indeks Bekalan Elektrik dan Gas meningkat 1.0 peratus dan indeks Bekalan Air menokok 7.2 peratus. IHPR menunjukkan sedikit penurunan kepada 1.4 peratus pada Mei 2024, berbanding 1.9 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Beralih kepada sektor luaran, eksport barangan Malaysia pulih pada April 2024, bertumbuh 9.1 peratus tahun ke tahun kepada RM114.7 bilion daripada RM105.2 bilion. Import juga meningkat dengan signifikan 15.6 peratus kepada RM107.0 bilion berbanding RM92.6 bilion pada April 2023. Kesannya, imbalan dagangan merosot 39.0 peratus tahun ke tahun kepada RM7.7 bilion. Pada Mei 2024, prestasi perdagangan Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan positif, dengan jumlah perdagangan berkembang 10.3 peratus atau RM23.0 bilion kepada RM246.3 bilion berbanding tahun sebelumnya. Import bertumbuh 13.8 peratus kepada RM118.1 bilion, manakala eksport meningkat 7.3 peratus kepada RM128.2 bilion, menyebabkan lebihan dagangan sebanyak RM10.1 bilion.

Mengenai pasaran buruh Malaysia pada April 2024, tenaga buruh mencatatkan 17.12 juta orang, menunjukkan peningkatan 1.7 peratus berbanding April 2023 (16.84 juta orang). Bilangan penduduk bekerja juga meningkat 1.9 peratus kepada 16.56 juta orang (daripada 16.25 juta orang pada April 2023). Seterusnya, Kadar

Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat 0.3 mata peratus daripada tahun sebelumnya (April 2023: 70.0%), manakala kadar pengangguran kekal pada 3.3 peratus seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Merumuskan kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pada April 2024, Indeks Pelopor (IP) Malaysia meningkat 4.3 peratus untuk mencapai 113.1 mata, berbanding 108.4 mata tahun sebelumnya. Semua komponen indeks menunjukkan peningkatan, kecuali penurunan sedikit sebanyak 1.5 peratus dalam Import Benar Semi Konduktor. Prestasi bulanan Indeks Pelopor juga menunjukkan pertumbuhan, meningkat 0.8 peratus daripada Mac 2024, yang mencatatkan penurunan 0.5 peratus. Trend jangka panjang terlicin pada April 2024 menunjukkan Indeks Pelopor kekal di atas 100.0 mata, menggambarkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan pada bulan-bulan akan datang, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pertumbuhan yang mampan dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JUN 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 6/2024

***Growth Outlook Positive: Services and Manufacturing Drive Malaysia's
Economic Momentum***

PUTRAJAYA, 28th June 2024 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 6/2024**. This edition focuses on the recent statistics released in April 2024 and some forthcoming statistics for May 2024. Furthermore, this edition features an additional article entitled "Does Import Price of Malaysia's Rice Influence its Price in Market?", which analyses the impact of import prices on rice prices in Malaysia and examines the correlations between market prices, ex-factory prices, global rice prices, and domestic rice production.

Evaluating the present condition of the global economy, the World Bank's Global Economic Prospects report predicts that global economic growth will stabilise at 2.6 per cent in 2024. This growth is projected to increase to an average of 2.7 per cent in 2025 and 2026.

Centering on Malaysia's economic performance, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, "The Industrial Production Index (IPI) in April 2024 showed a year-on-year acceleration of 6.1 per cent (2.4% in March 2024). This growth was fuelled by a 4.9 per cent increase in the Manufacturing sector (up from 1.3% in March 2024) and 10.0 per cent rise in the Mining sector (up from 4.9 per cent in March 2024). The Electricity sector maintained stable growth at 7.6 per cent, slightly down from 8.5 per cent in March 2024. The Manufacturing sector's sales reached RM153.2 billion in April 2024 marking a 5.7 per cent year-on-year increase compared to the 1.4 per cent growth recorded in the previous month. This growth was primarily driven by significant expansions in the Transport Equipment and Other Manufactures sub-sector, which grew by 16.9 per cent, and the Non-metallic Mineral Products, Basic Metal, and Fabricated Metal Products sub-sector, which increased by 12.8 per cent."

Analysing Malaysia's services sector, Wholesale and Retail Trade sector showed positive growth in April 2024, expanding by 6.6 per cent year-on-year to achieve monthly sales totalling RM144.9 billion. The Retail Trade sub-sector which was the main driver, increased 5.5 per cent or RM3.3 billion, reaching RM63.8 billion in sales. Additionally,

Wholesale Trade and Motor Vehicles increased by 4.8 per cent (+RM2.9 billion) and 18.1 per cent (+RM2.6 billion), respectively.

Examining the prices, Malaysia's inflation rate recorded 1.8 per cent, maintaining this level for three consecutive months, with the index reaching 132.4 compared to 130.0 in the previous year. This was contributed by increases in key sectors: Restaurant and Accommodation Services rose by 3.5 per cent (3.0% in March 2024), Personal Care, Social Protection and Miscellaneous Goods and Services increased by 3.1 per cent (2.6% in March 2024), while Housing, Water, Electricity, Gas, and Other Fuels remained unchanged at 3.0 per cent (3.0% with March 2024). Inflation slightly rose to 2.0 per cent in May 2024, with the index reaching 132.8 compared to 130.2 in the same month of the previous year. Malaysia's Producer Price Index (PPI) rose by 1.9 per cent year-on-year in April 2024, up from 1.6 per cent in the previous month. All sectors showed increases: the Mining sector surged by 10.0 per cent (8.3% in March 2024), the Manufacturing sector recorded a modest increase of 0.8 per cent (0.6% in March 2024), the Electricity and Gas Supply index rose by 1.0 per cent and the Water Supply index increased by 7.2 per cent. The PPI showed a slight decrease to 1.4 per cent in May 2024, as compared to 1.9 per cent recorded in the previous month.

Shifting focus to the external sector, Malaysia's merchandise exports rebounded in April 2024, growing by 9.1 per cent year-on-year to RM114.7 billion from RM105.2 billion. Imports also increased significantly, rising by 15.6 per cent to RM107.0 billion compared to RM92.6 billion in April 2023. As a result, the trade balance decreased by 39.0 per cent year-on-year to RM7.7 billion. In May 2024, Malaysia's trade performance continued to show positive growth, with total trade expanding by 10.3 per cent or RM23.0 billion to RM246.3 billion compared to the previous year. Imports grew by 13.8 per cent to RM118.1 billion, while exports increased by 7.3 per cent to RM128.2 billion, resulting in a trade surplus of RM10.1 billion.

Regarding Malaysia's labour market in April 2024, the labour force totalled 17.12 million persons, marking a 1.7 per cent increase compared to April 2023 (16.84 million persons). The number of employed persons also grew by 1.9 per cent to 16.56 million persons (from 16.25 million persons in April 2023). Consequently, the Labour Force Participation Rate (LFPR) increased by 0.3 percentage points from the previous year (April 2023: 70.0%), while the unemployment rate remained at 3.3 per cent, as recorded in previous month.

In his concluding remarks, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "In April 2024, Malaysia's Leading Index (LI) rose by 4.3 per cent to reach 113.1 points, compared to 108.4 points the previous year. All components of the index showed improvements, except for a slight decline of 1.5 per cent in Real Imports of Semiconductors. The monthly performance of LI also showed growth, increasing by 0.8 per cent from March 2024, which had seen a decrease of 0.5 per cent. The smoothed long-term trend for April 2024 indicated that the LI remained above 100.0 points, suggesting continued economic

expansion in the upcoming months, supported by robust domestic demand and sustained growth in the Manufacturing and Services sectors.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024”

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28th June 2024**